

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN NO. 186

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) apakah usaha yang diambil Kementerian dalam memantau pemberian kelulusan lesen ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sama ada baharu atau sambungan, khasnya bagi IPTS yang mendapat sokongan pemimpin-pemimpin politik termasuk di kalangan barisan kabinet Kerajaan baharu; dan
- b) jika ada yang diluluskan melalui sokongan pemimpin-pemimpin politik, adakah keputusan penubuhan IPTS ini adalah sah, selaras dengan deklarasi Kerajaan untuk tidak ada campur tangan politik di kalangan pemimpin-pemimpin mereka.

JAWAPAN

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

berdasarkan rekod terkini, tiada institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang diluluskan pendaftarannya melalui sokongan pemimpin politik. Ini kerana perakuan pendaftaran dan pembaharuan perakuan pendaftaran yang dilaksanakan adalah berdasarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Akta 555. Bagi tujuan pemantauan kelulusan IPTS yang

NO. SOALAN: 186

berkualiti, pembaharuan pendaftaran hanya akan diluluskan sekiranya IPTS memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar iaitu IPTS mestilah berdaya maju seperti mempunyai premis yang kondusif dan selamat, mempunyai bilangan pelajar yang mencukupi serta mempunyai kelulusan kursus yang telah memperolehi akreditasi penuh.

Bagi proses penubuhan pula, semua permohonan penubuhan sesebuah IPTS hendaklah dikemukakan menggunakan borang dan dikenakan fi proses yang ditetapkan oleh Akta 555. Bagaimanapun sebelum YB Menteri Pendidikan membuat keputusan kelulusan penubuhan, permohonan akan dinilai berdasarkan kriteria dan dasar-dasar semasa kementerian dan dibentangkan kepada jawatankuasa yang ditetapkan.

Oleh itu, penubuhan IPTS yang diluluskan nanti adalah dari kalangan pemohon yang mempunyai kapasiti kemampuan kewangan, kepakaran, berfokus dan bersedia sebagai institusi swasta yang menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi dan bukannya atas faktor-faktor sokongan politik semata-mata.

Sekian, terima kasih.

RT24/184